

SOALAN NO. 186

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapa cuti paterniti yang telah dimohon oleh Kerajaan negeri Pulau Pinang ditolak oleh SPA dan nyatakan dengan terperinci jika semua GLC dan agensi Kerajaan telah menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak memandangkan hanya 37% wanita terlibat dalam sektor pekerjaan. Jika tidak, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan ianya ditubuhkan.

26/9

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, peruntukan cuti paterniti bagi pegawai lelaki dalam perkhidmatan awam adalah kemudahan Cuti Isteri Bersalin yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003. Cuti bergaji penuh ini diberi selama tujuh (7) hari kepada pegawai lelaki untuk membantu urusan selepas isteri bersalin. Walau bagaimanapun, permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan Cuti Khas selama tiga (3) hari untuk ibu bapa dalam kalangan penjawat awam bagi menjaga anak yang sakit melalui surat bertarikh 11 April 2017. JPA telah menolak permohonan Cuti Khas tersebut berdasarkan justifikasi seperti di bawah:

- (i) Permohonan tidak sesuai dilaksanakan bagi mengelakkan wujud ketidakharmonian dalam kalangan penjawat awam Negeri dan penjawat awam Persekutuan yang berkhidmat di Pulau Pinang, kerana wujudnya kemudahan cuti yang tidak sama;

- (ii) Selain itu, bilangan cuti rehat antara 25 hingga 30 hari dan Cuti Kuarantin bagi menjaga anak yang menghidap penyakit berjangkit sedia ada adalah mencukupi bagi keperluan mengimbangi urusan peribadi dan tanggungjawab pegawai dalam melaksanakan tugas hakiki; dan

- (iii) Cadangan pemberian Cuti Khas tersebut juga memberi gambaran yang negatif kepada keperluan produktiviti penjawat awam sekali gus menjejaskan sistem penyampaian perkhidmatan dan imej penjawat awam kerana terlalu kerap bercuti.

Dalam hal ini, sesuatu penambahbaikan kemudahan sedia ada akan dikaji secara keseluruhan meliputi semua penjawat awam dan tidak boleh khusus untuk sesebuah negeri sahaja. Ini kerana pemberian sebarang bentuk kemudahan perlu dipertimbang berasaskan kriteria-kriteria kebajikan serta peningkatan kepada perkhidmatan pegawai perkhidmatan awam.

242
Tuan Yang Dipertua,

Bagi penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), berdasarkan statistik JKM sehingga Disember 2017, sebanyak 239 buah TASKA di tempat kerja telah ditubuhkan dengan pecahan 194 buah TASKA tempat kerja di sektor awam dan 45 buah TASKA tempat kerja di sektor swasta. Jumlah ini mencatatkan peningkatan sebanyak 8.14% berbanding sebanyak 221 buah TASKA di tempat kerja pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, sebanyak 13 buah TASKA di tempat kerja sektor awam dan swasta telah ditubuhkan di Pulau Pinang.

Tuan Yang Dipertua,

Angka 37% merujuk kepada pecahan tenaga kerja mengikut jantina – wanita. Bagi melihat kadar penyertaan tenaga kerja wanita, Kerajaan merujuk data bilangan wanita bekerja daripada jumlah wanita boleh bekerja (15 hingga 64 tahun). Bagi suku keempat tahun 2017, kadar penyertaan tenaga kerja wanita telah meningkat kepada 54.8% berbanding 54.6% pada suku ketiga tahun yang sama. Bagi menyokong sasaran mencapai 59% penyertaan tenaga kerja wanita pada tahun 2020, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyediakan pelbagai inisiatif dan insentif

kepada ibu bapa serta majikan. KPWKM amat menggalakkan penubuhan TASKA di sektor awam mahupun sektor swasta bagi memberikan kemudahan pengasuhan dan penjagaan anak-anak kepada ibu bapa yang bekerja. Sehubungan itu, inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989: Kebajikan Untuk Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menggalakkan Kementerian atau Jabatan Kerajaan menubuhkan TASKA di tempat kerja masing-masing;
- (ii) peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000.00 kepada Kementerian atau Jabatan Kerajaan untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja; dan
- (iii) pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180.00 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke TASKA di tempat kerja sektor awam bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000.00 sebulan.

2434

Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan TASKA 1Malaysia. Geran Penubuhan dan Geran Operasi diberikan kepada pengusaha yang layak untuk mengoperasinya. Geran Penubuhan diberi sebanyak RM55,000.00 (*one-off*) diberi sekali gus dan Geran Operasi diperuntukkan sehingga RM64,000.00 setahun tertakluk kepada maksimum 30 orang kanak-kanak yang layak menerima subsidi. Sehingga kini, terdapat 39 buah TASKA 1Malaysia yang memberi pengasuhan berkualiti kepada kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah di seluruh Malaysia.

Bagi menggalakkan sektor swasta pula, inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menggalakkan penubuhan TASKA di tempat kerja sektor swasta adalah seperti berikut:

- (i) pengecualian cukai 10% diberi kepada majikan ke atas kos keseluruhan pembinaan TASKA di Tempat Kerja Swasta bagi tempoh 10 tahun;
- (ii) pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA di Tempat Kerja Swasta serta pusat jagaan kanak-kanak; dan

- (iii) pemberian subsidi sebanyak RM250.00 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke TASKA Institusi (TASKA Swasta) yang berdaftar dengan JKM oleh ibu bapa atau penjaga yang berpendapatan per kapita RM500.00 di bandar raya, RM400.00 sebulan di bandar dan RM300.00 di kawasan luar bandar.

Melalui usaha-usaha ini, pihak Kementerian berharap majikan sektor awam dan swasta mengambil peluang dan insentif yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi menyediakan TASKA di tempat kerja. Penubuhan TASKA di tempat kerja akan membantu meningkat kadar penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dan menyediakan persekitaran kerja yang selesa dan terjamin kepada ibu bapa yang bekerja.